

SULIT

NAMA :

TINGKATAN :

1103/2
BAHASA MELAYU
Kertas 2
2 jam 30 minit



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2020

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

1103/2@SMKSR

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **ciri-ciri remaja bersahsiah tinggi** dan **langkah-langkah ibu bapa membentuk tingkah laku terpuji anak-anak**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sahsiah tinggi merupakan keperibadian, akhlak atau kelakuan terpuji yang sudah sebatu dalam diri seorang individu. Hal ini dapat membezakan setiap individu dengan individu yang lain. Sahsiah terpuji ini juga dapat membantu remaja merancang tindakan apabila berhadapan dengan sesuatu cabaran. Malah, remaja yang bersahsiah terpuji ini ternyata berupaya mencipta kejayaan pada usia muda. Kejayaan-kejayaan remaja itu diperoleh kerana remaja memiliki sikap keterbukaan apabila berhadapan dengan sesuatu masalah atau dalam membuat keputusan. Secara tidak langsung, sikap ini menyerlahkan kematangan akal dan keperibadian remaja.

Remaja bersahsiah tinggi perlu mengamalkan etika dan berpersonaliti yang luhur. Mereka bukan sahaja perlu mempraktikkan ajaran agama malah tidak kekok melakukan kerja-kerja amal. Namun, sesetengah remaja keliru dan *mengalami kecelaruan emosi* sehingga melakukan perkara di luar jangkaan seperti memberontak, mengingkari arahan ibu bapa dan tidak mengamalkan ajaran agama. Mereka juga tidak suka melakukan kerja-kerja kebajikan seperti gotong royong. Selain itu, remaja berakhlak terpuji perlu sentiasa mengamalkan sikap toleransi dan bertolak ansur kerana kesejahteraan sosial sukar dicapai tanpa sifat sedemikian. Malahan, jati diri yang mapan merupakan kriteria yang tidak boleh dipinggirkan dalam membentuk sahsiah tinggi seseorang remaja agar keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat dapat dikekalkan.

Secara umumnya, remaja hendaklah bersikap kreatif dan inovatif bagi memastikan penglibatan dalam pelbagai bidang sama ada kebudayaan, sukan, kepimpinan dan keusahawanan berupaya menghasilkan inovasi demi kemajuan negara. Sikap berani menetapkan matlamat hidup yang jelas membantu mereka menangani pelbagai bentuk cabaran masa ini termasuklah pengaruh media massa, media sosial dan rakan sebaya. Selain itu, remaja juga berhadapan dengan konflik sama ada dalam keluarga, masyarakat sekeliling atau berkonflik dengan isu semasa.

Usaha pembentukan sahsiah tinggi remaja memerlukan remaja memiliki kecergasan fizikal dan bersemangat waja. Hal ini amat penting bagi melahirkan remaja yang mampu berdepan dengan dunia hari ini. Seharusnya, remaja yang bersahsiah tinggi belajar bersungguh-sungguh menimba segala ilmu pengetahuan melalui pelbagai wahana secara berterusan. Membaca buku dan melayari Internet secara positif merupakan kaedah yang paling mudah untuk memajukan bangsa dan negara. Remaja merupakan pewaris negara dan negara memerlukan pewaris yang mempunyai sahsiah dan perwatakan terpuji untuk mencorak negara pada masa hadapan.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Sahsiah Remaja Cerminan Masa Hadapan Negara”
Oleh Muhammad Lutfi Zahid, Dewan Siswa, Jun 2018

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengalami kecelaruan emosi*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan pelbagai bentuk cabaran kehidupan yang perlu ditangani oleh remaja hari ini.
Nyatakan cabaran-cabaran tersebut. [3 markah]
- (iii) Remaja pada kini tidak berminat melibatkan diri dalam aktiviti komuniti dan program kebajikan seperti gotong-royong dan membantu orang yang dalam kesusahan.
Pada pendapat anda, apakah punca-punca berlakunya sikap remaja tidak berminat melakukan aktiviti komuniti dan program kebajikan tersebut? [4 markah]

Soalan 2 (b) – **Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Prof”

Tidak percaya aku. Doktor Murni boleh tersenyum semanis itu. “Ini surat perletakan jawapan saya. Tidak cukup menjadi doktor manusia, saya mahu menjadi doktor kemanusiaan juga. Kalau tiada di hospital ini, saya yakin ada di hospital lain.”

Profesor Doktor Juaidi ternganga.

Doktor Murni berlari menggapai tanganku. “Nusia, kita ke bank darah. Dua pek darah daripada awak, dua pek darah daripada saya, mampu menghidupkan semua yang koma dalam Unit Rawatan Rapi (ICU) kecuali Profesor Doktor Juaidi.”

Cahaya kalimantang menyinari dinding pejal Unit Rawatan Rapi. Aku tersilau dalam redup mata doktor Murni. Seakan-akan bergema suara Munkar dan Nakir menyoal: siapa saudaramu, wahai Nusia?

Dipetik daripada cerpen
“Gerhana Manusia” dalam antologi
Sejadah Rindu, Kementerian Pendidikan
Malaysia

- i. Berdasarkan petikan, apakah perkara yang dilakukan oleh Doktor Murni selepas bertemu dengan Prof Doktor Juaidi?
[2 markah]
- ii. Andaikan anda ialah Doktor Murni, apakah kaedah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan darah?
[3 markah]
- iii. Berikan **satu** perwatakan doktor Murni dalam petikan dan **satu** lagi perwatakan lain berdasarkan keseluruhan cerpen.
[4 markah]

Soalan 2 (c) – **Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Berapa lamanya maka Kertala Sari pun sampailah ke Melaka. Maka ia pun singgah di luar kota pada kampung segala Jawa. Maka Kertala Sari pun menyamakan dirinya kepada segala Jawa yang banyak itu. Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya- kaya dan saudagar.

Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya. Tatkala itu Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Karma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka ia pun fikir di dalam hatinya,”Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya ,sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia *penjurit besar* lagi kepetangan.”

(Dipetik dari Prosa Tradisional “Kepimpinan Melalui Teladan” dalam Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul)

- i. Berikan maksud rangkai kata *penjurit besar*?

[2 markah]

- ii. Berdasarkan petikan di atas, apakah perbuatan yang dilakukan oleh Kertala Sari setelah tiba di Melaka?

[3 markah]

- iii. Pada pendapat anda, apakah tindakan kita untuk melindungi kediaman daripada dimasuki oleh pencuri?

[3 markah]

Soalan 2 (d) – **Petikan Puisi**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

GURINDAM DUA BELAS

(Fasal yang ketiga)

Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapatlah darinya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluirlah fill yang tiada senonoh.

Anggota tengah hendaklah diingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

(Dipetik dari Gurindam Dua Belas (Fasal yang ketiga) dalam Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul)

- i. Berdasarkan gurindam diatas berikan maksud **rangkap pertama**?

[2 markah]

- ii. Ungkapan lidah lebih tajam daripada mata pedang memberikan gambaran betapa pentingnya kita menjaga pertuturan dalam pergaulan.

Pada pendapat anda, mengapakan seseorang perlu menjaga menjaga tutur katanya?

[3 markah]

- iii. Huraikan **dua** nilai yang terdapat yang terdapat dalam gurindam di atas.

[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

(a) Tulis **satu ayat bagi setiap akronim** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) cerpen
- (ii) pawagam
- (iii) kugiran
- (iv) jenama
- (v) halaju
- (vi) debunga

[6 markah]

(b) Baca **ayat-ayat perintah** di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan sama ada ayat tersebut ialah **ayat suruhan, ayat silaan, ayat larangan** atau **ayat permintaan**.

- (i) “Kamu perlu dapatkan rawatan segera,” kata Doktor Nizan kepada pesakitnya.
- (ii) “Tolong jelaskan perkara sebenar yang telah berlaku sebentar tadi,” kata guru disiplin kepada murid yang bergaduh itu.
- (iii) “Janganlah sesekali derhaka terhadap kedua ibu bapa kamu,” kata penceramah bebas itu kepada semua peserta program motivasi hari ini.
- (iv) “Sudilah datang ke majlis perkahwinan anak saya,” kata ayah kepada saudara-maranya.
- (v) “Kamu buat dulu tugas itu,” kata Cikgu Amirah kepada muridnya.
- (vi) “Usahlah dikenang kenangan yang lalu,” pesan nenek kepada Halidah.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (i) Pengetua SMK Bandar Hilir perlu menyelesaikan masalah ponteng sekolah dalam tempoh masa yang singkat.
- (ii) Pedalaman dasar Sungai Pontian perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku sejak tahun 90 an lagi.
- (iii) Pasangan kembar itu bertutur dalam bahasa China ketika ditemuduga oleh dua orang panel tersebut.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata** atau **istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ayah rindu kepada anaknya yang meningkatkan pelajaran di Amerika Syarikat.
- (ii) Telefon pintar itu perlu dicaj sebelum dibawa oleh saya ke pejabat.
- (iii) Jika ingin melanjutkan pelajaran ke negara terbit matahari, kita harus berusaha dari sekarang kerana masa berlalu dengan laju .

[6 markah]

(e) Berikan **peribahasa** berdasarkan situasi dalam ayat di bawah.

- (i) Walaupun masyarakat kita terdiri daripada berbilang kaum, kita harus bersatu padu demi menjaga kepentingan tanah air tercinta kita.
- (ii) Zahirah mengalami pelbagai kesulitan untuk meneruskan pengajiannya ke universiti tetapi dia tidak pernah berputus asa.
- (iii) Robert yang berasal dari negara barat telah menjalani kehidupan mengikut adat resam penduduk kampung tersebut sejak berpindah di situ dua tahun lalu.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel[15 *markah*]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, huraikan tema dalam novel tersebut.

[7 *markah*]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang antara ahli keluarga yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 *markah*]**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

DISEDIAKAN OLEH,

DISEMAK OLEH,

DISAHKAN OLEH,

(MAIZURA BINTI ABD ARIS)
GURU MATAPELAJARAN
BAHASA MELAYU

(NORAENI BINTI ESHAK)
KETUA PANITIA
BAHASA MELAYU

(NORESHAH BINTI OTHMAN)
GKMP BAHASA
SMK SRI RAHMAT